

Majlis fatwa seragam pelaksanaan hukum

» *Penyelarasan permudah penguatkuasaan kes berkaitan*

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Majlis Fatwa Kebangsaan sedia menyeragamkan pelaksanaan hukum dan fatwa secara holistik di seluruh negara bagi memudahkan penguatkuasaan diambil terhadap kes yang berkaitan.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Tan Sri Dr Abdul Shukur Husin, berkata pihaknya sedang berusaha untuk mencari jalan penyelesaian mengenai isu penylara-

san hukum dan fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri bagi memudahkan umat Islam di negara ini mengikut panduan sebenar.

“Kita ada usaha untuk wujudkan penylarasan (hukum dan fatwa), namun majlis (Majlis Fatwa Kebangsaan) tiada kuasa untuk mengikat pihak berkuasa agama negeri supaya turut mewartakan sebarang keputusan fatwa yang diputuskannya, terpulung kepada negeri masing-masing.

Hak negeri

“Mengikut undang-undang, fatwa dikeluarkan pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah hak negeri. Mereka ada kuasa mutlak dan perlu mematuhi enakmen yang berkuatkuasa di negeri masing-masing,” katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Bagaimanapun Abdul Shu-

kor menafikan dakwaan kononnya fatwa sedia ada adalah kabur dan kurang jelas, kerana pihaknya sudah mengarahkan pihak berkuasa agama negeri menjalankan program pendidikan fatwa.

Beliau berkata, setakat ini, 340 fatwa dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Tetapi secara peribadi, beliau berpendapat hanya satu dua negeri tidak melaksana atau mewartakan fatwa yang diputuskan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Akhbar sebelum ini melaporkan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom, sebagai berkata adalah penting bagi sebarang fatwa yang diputuskan di peringkat negeri dan kebangsaan diwartakan selain meneliti semula fatwa yang dianggap kurang jelas bagi membolehkan tindakan tegas diambil terhadap sesuatu kes.



“
Mengikut undang-undang, fatwa dikeluarkan pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah hak negeri. Mereka ada kuasa mutlak dan perlu mematuhi enakmen yang berkuatkuasa di negeri masing-masing”

Abdul Shukur Husin,
Pengerusi Jawatankuasa
Fatwa Kebangsaan